

24 MAR 2000

Mahathir-Raja

MAJLIS RAJA-RAJA SETUJU BERTINDAK ATASI PERPECAHAN UMMAH

PUTRAJAYA, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Raja-Raja yang bersidang semalam bersetuju untuk mengambil tindakan tertentu bagi menyatupadukan semula umat Islam negara ini yang berpecah akibat politik.

Perdana Menteri berkata persetujuan itu dicapai selepas beliau memberi taklimat kepada persidangan berkenaan mengenai keadaan perpaduan orang Islam di Malaysia.

"Semalam Raja-Raja bersidang dan saya telah memberi taklimat mengenai keadaan dalam negara khususnya berkenaan orang Islam di Malaysia yang menghadapi masalah. Semua Raja mengambil berat tentang masalah ini dan mereka akan mengambil tindakan tertentu untuk menyatupadukan balik umat Islam. Itu adalah keputusan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata terpulanglah kepada Raja-Raja untuk menentukan bentuk tindakan yang akan diambil bagi mencapai matlamat tersebut.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan Jalur Gemilang kepada pasukan Rali Proton-PERT yang akan mewakili Malaysia pada kejohanan Rali Gudang Garam Indonesia pada 31 Mac hingga 3 April ini.

Dr Mahathir berharap umat Islam di negara ini akan menerima apa jua cadangan Raja-Raja Melayu memandangkan mereka diiktiraf oleh Perlembagaan sebagai bertanggungjawab berhubung hal ehwal agama.

Katanya pada masa yang sama, Raja-Raja tidak boleh terlibat dengan politik.

"Jadi, kalau masalah orang Islam itu ada kaitan dengan agama, itu menjadi tanggungjawab Raja-Raja dan mereka tidak akan bertindak berasingan sebaliknya sebagai Majlis Raja-Raja," katanya.

Dr Mahathir berkata, keputusan Raja-Raja berusaha menyatupadukan semula umat Islam itu dibuat secara persetujuan bersama.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-185 yang dipengerusikan Sultan Pahang berlangsung di Istana Negara selama dua hari dan berakhir semalam.

Pelbagai pihak menyuarakan pandangan mahukan Raja-Raja Melayu berikhtiar mengatasi masalah perpecahan orang Melayu berikutan perbezaan fahaman serta penyalahgunaan agama oleh pihak tertentu untuk kepentingan politik peribadi.

Terdahulu, dalam ucapan ringkasnya pada majlis penyerahan bendera itu, Dr Mahathir melahirkan harapan agar pasukan negara mencapai kemenangan dalam acara rali itu.

Beliau juga meminta semua yang terlibat menjaga nama baik Malaysia ketika berada di luar negara.

Rali di Indonesia itu ialah pusingan pertama Kejohanan Rali Asia Pasifik yang akan turut diadakan di Australia, New Zealand, China, Malaysia dan Thailand.

Dr Mahathir, yang memakai baju Melayu, menunjukkan kebolehan beliau memandu kereta Proton pacuan empat roda berkuasa turbo di kawasan letak kereta bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Beliau ditemani pemandu rali negara Karamjit Singh yang akan menggunakan kenderaan berkenaan di Indonesia.

-- BERNAMA

MAM AKD